



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

KENYATAAN SEBUT HARGA

Sebut Harga adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (**CIDB**) dalam gred / kelas, kategori / tajuk / kepala, pengkhususan / tajuk kecil / subkepala yang berkaitan dan Pusat Khidmat Kontraktor (**PKK**) serta mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (**SPKK**) yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:-

Pejabat Yang Memanggil Sebut Harga	Tajuk Sebut Harga	Taraf / Jenis Sykt *	Kelayakan	Tempat & Tarikh Dokumen Diperolehi	Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama	Tempat, Tarikh & Waktu Sebut Harga Ditutup
Bahagian Pelaksanaan dan Perkhidmatan Kejuruteraan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	KERJA-KERJA PEMBAIKAN KEROSAKAN UNIT – UNIT RUMAH ROSAK DAN KERJA – KERJA BERKAITAN DI PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR) SENTUL MURNI, KUALA LUMPUR (NO. SEBUT HARGA: KPKT/BPJ/UB/SH/29/2026)	Terbuka T1	CIDB Gred : G3 Kategori: B, CE Pengkhususan: B04, CE21 Serta Sijil Pematuhan Cukai (TCC) (Syarikat yang berdaftar di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur SAHAJA)	Hanya Penyebut harga yang berdaftar sewaktu Lawatan Tapak dan Taklimat Sebut Harga akan diberi pautan untuk memuat turun Dokumen bermula daripada 03 September 2026 (Khamis) hingga 04 September 2026 (Jumaat)	PERCUMA (Tanpa Bayaran)	Unit Kontrak Dan Ukur Bahan, Bahagian Pelaksanaan dan Perkhidmatan Kejuruteraan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Aras 7, No.51, Presint 4, 62100 Putrajaya 11 September 2026 (Jumaat) 12.00 Tengah Hari
Taklimat Projek dan Lawatan Tapak Adalah <u>DIWAJIBKAN</u>. Berkumpul di, Dewan Komuniti PPR Sentul Murni pada 03 September 2026 (Khamis) jam 10.30 Pagi. Sebarang persoalan boleh menghubungi Seksyen Fasiliti Dan Penyelenggaraan Projek (SFPP), Bahagian Pelaksanaan dan Perkhidmatan Kejuruteraan (BPJ), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), di talian 03-8891 3649 / 3604 / 3602. Hanya PENAMA di dalam Sijil SSM/CIDB/SPKK sahaja yang dibenarkan menyertai lawatan tapak. Sila bawa bersama sijil (SSM/CIDB/SPKK) semasa lawatan tersebut.						

*Jenis Syarikat Tempatan: T1 - Syarikat 100% milik tempatan


Sr. WAN MOHD. NAZEER BIN WAN RAMLI
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Unit Kontrak dan Ukur Bahan
Sektor Bangunan dan Perancangan Projek
Bahagian Pelaksanaan & Perkhidmatan Kejuruteraan
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

PROJEK : KERJA-KERJA PEMBAIKAN KEROSAKAN UNIT – UNIT RUMAH ROSAK
DAN KERJA – KERJA BERKAITAN DI PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT
(PPR) SENTUL MURNI, KUALA LUMPUR

NO. SEBUT HARGA : KPKT/BPJ/UB/SH/29/2026

Nota Penting :

1. Penyebut harga adalah diarahkan untuk menghantar Dokumen Sebut harga **SECARA SERAHAN TANGAN ATAU POS BERDAFTAR SAHAJA**. Dokumen Sebut harga hendaklah diterima tidak lewat dari atau pada pukul 12.00 tengahari pada tarikh tutup Sebut harga.
2. Penyerahan Dokumen Sebut harga yang lengkap hendaklah dikemukakan dalam bentuk salinan bercetak (*hardcopy*).
3. Setiap penyebut harga hanya dibenarkan mengemukakan satu (1) dokumen tawaran sahaja. Sekiranya didapati terdapat penyebut harga yang mengemukakan melebihi dari satu (1) tawaran, kesemua tawaran tersebut akan ditolak dan tidak akan disenaraikan di dalam Jadual Sebut harga.
4. Penyebut harga yang berhasrat untuk menyertai sebut harga ini hendaklah memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan. Sekiranya tidak, dokumen tawaran penyebut harga akan ditolak.
5. Penyebut harga juga hendaklah sentiasa peka terhadap sebarang makluman perubahan/tambahan dokumen sebut harga sepanjang tempoh perolehan/sehingga tarikh tutup sebut harga di laman sesawang KPKT.
6. Sebarang permohonan bagi kebenaran khas daripada Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) adalah **TIDAK DIBENARKAN** selaras dengan garis panduan dan dasar semasa yang berkuat kuasa.

Dokumen Sebut harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatitkan dengan nombor bilangan Sebut harga serta tajuk Sebut harga dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam Pemberitahuan/Kenyataan Sebut Harga.

Jika Dokumen Sebut harga tidak diserahkan dengan tangan, Penyebut Harga hendaklah menghantar Dokumen Sebut harga tersebut dengan pos berdaftar supaya tiba pada atau sebelum masa dan di tempat yang ditetapkan seperti berikut:

Ketua Penolong Pengarah Kanan

Unit Kontrak dan Ukur Bahan
Sektor Bangunan dan Perancangan Projek
Bahagian Pelaksanaan dan Perkhidmatan Kejuruteraan
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan,
Aras 7, No. 51, Persiaran Perdana,
Presint 4, 62100 Putrajaya
(u/p : Sr Wan Mohd Nazeer Bin Wan Ramli)



Sr. WAN MOHD. NAZEER BIN WAN RAMLI
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Unit Kontrak dan Ukur Bahan
Sektor Bangunan dan Perancangan Projek
Bahagian Pelaksanaan & Perkhidmatan Kejuruteraan
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan